

JAWATAN KOSONG



MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah)

NAMA JAWATAN	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA
--------------	-----------------------------------

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS PERBANDARAN KULIM
Kumpulan Perkhidmatan	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
Klasifikasi Perkhidmatan	:	KEJURUTERAAN
Gred Jawatan	:	J41/J44
Jumlah kekosongan	:	SATU (1)
Jadual Gaji	:	RM 2,529.00 – RM 9,643.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM 225.00
Jabatan	:	PERANCANGAN DAN LANDSKAP
Taraf Jawatan	:	TETAP

DESKRIPSI TUGAS

Merancang, menyediakan, menyelia dan menyelaraskan kajian rancangan pembangunan dan pelan-pelan pembangunan serta membuat laporan teknikal dan memberi nasihat perancangan termasuk pelan tata-aturnya.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c.
 - i. ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00); atau

- ii. ijazah sarjana muda kepujian dalam geografi, ekonomi, sains sosial, antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00); atau
 - iii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam serta ijazah sarjana atau diploma lepasan Ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,736.28); atau
 - iv. Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta ijazah sarjana atau diploma lepas ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,943.84)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- a. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- b. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); dan
- c. had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

CARA MEMOHON

- 1) Semua borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman Portal MPKK
<http://www.mpkk.gov.my/ms/mp-kulim/sumber/muat-turun-borang/e-borang>

- 2) Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21 dan pastikan Laporan Prestasi tahunan terkini disertakan.
- 3) Setiap permohonan hendaklah disertakan perkara-perkara berikut:-
- | | | |
|----|------------------------------------|--------------------|
| a) | 2 keping gambar berukuran passport | |
| b) | Salinan Sijil Kelahiran | } Tidak perlu |
| c) | Salinan Kad Pengenalan | } disahkan salinan |
| d) | Salinan Sijil Peperiksaan | } sebenar |
| e) | Lain-lain Sijil yang berkaitan | } |
- 4) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 25 sm x 32 sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- 5) Permohonan yang tidak lengkap, tidak jelas dan tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan akan **DITOLAK**. Permohonan hendaklah sampai di alamat seperti berikut:-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KULIM
NO. 1, LEBUH BANDAR 2
BANDAR PUTRA
09000 KULIM, KEDAH DARUL AMAN
(u.p: Bahagian Sumber Manusia)**

6) Tarikh Tutup Permohonan: **07 MAC 2019**

CATATAN AM

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.